



Prestige Wealth Index

Mencipta Kekayaan hanyalah babak pertama
bagi kejayaan

Mencipta Kekayaan hanyalah babak pertama bagi kejayaan

Kekayaan dibina dalam suatu jangka masa, namun kejayaan sebenar ialah mengetahui langkah yang boleh dilakukan hari ini sambil melindungi masa hadapan.

Apabila keutamaan makin berkembang, para pelabur bukan sekadar mencari pertumbuhan semata-mata. Mereka mahukan keyakinan tatkala berdepan ketidakpastian, memperoleh pendapatan tahunan bagi menikmati ganjaran hidup dan peluang bagi melabur dalam pasaran global.

Kekayaan tidak sepatutnya dalam keadaan pegun. Ia seharusnya berkembang kukuh, sambil mengekalkan hala tuju.

Memperkenalkan **Prestige Wealth Index** – suatu penyelesaian yang direka bagi menyediakan potensi pendapatan tahunan menerusi peluang berkaitan indeks global.

Pertumbuhan penuh yakin. Kekalkan hala tujuan.



Kelebihan Kekayaan Utama



Pertumbuhan Indeks Dipacu dengan Pendapatan Tahunan dan Perlindungan Penurunan Pasaran



Manfaat Perlindungan bagi Melindungi Kekayaan Keluarga Terhadap Ketidakpastian Hidup



Manfaat Matang dengan Jaminan Modal bagi Ketenangan Minda



Peluang Global dengan Denominasi USD berserta Terbitan Tanpa Kesukaran

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Pertumbuhan Indeks Dipacu dengan Pendapatan Tahunan dan Perlindungan Penurunan Pasaran

Tingkatkan strategi kekayaan anda dengan Manfaat Pendapatan Tahunan pelan ini, menawarkan peluang bagi menerima bayaran tunai tetap secara sekali gus, yang berkaitan dengan prestasi indeks sandaran dipilih. Modal anda selanjutnya dilindungi pada kadar lantai sebanyak 0% terhadap Pulangan Indeks, memastikan prestasi pasaran negatif tidak menyusutkan pelaburan anda.

Pilihan indeks yang tersedia termasuklah:

- Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA^{^^}
- Indeks Citi Flexibeta 8% VT^{^^^}

Anda boleh memilih untuk menerima Manfaat Pendapatan Tahunan² seperti:

- Bayaran tunai tahunan secara sekali gus; atau
- Dikumpulkan dengan Syarikat agar terus memperoleh potensi pulangan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

BAGAIMANA KIRAAN MANFAAT PENDAPATAN TAHUNAN²?

**Manfaat Pendapatan Tahunan² =
Pulangan Indeks³ x Kadar Penyertaan⁴ x Premium Tunggal x Pengagihan Indeks⁵**



Prestasi Indeks Positif

Pulangan Indeks³: 10.00% setahun

Kadar Penyertaan⁴: 90.00%

Premium Tunggal: USD 100,000

Pengagihan Indeks⁵:

100% pada Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA^{^^}

Manfaat Pendapatan Tahunan²

$10.00\% \text{ setahun} \times 90.00\% \times \text{USD } 100,000 \times$
 $100\% \text{ pada Indeks S\&P 500 Engle 6\% VT TCA}^{\text{^^}}$

= USD 9,000 / tahun



Prestasi Indeks Negatif

Pulangan Indeks³: -9.87% setahun

Kadar Penyertaan⁴: 90.00%

Premium Tunggal: USD 100,000

Pengagihan Indeks⁵:

100% pada Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA^{^^}

Apabila Pulangan Indeks³ negatif, kadar pulangan minimum dijamin sebanyak 0% setahun. Oleh itu, tiada bayaran Manfaat Pendapatan Tahunan².

Manfaat Pendapatan Tahunan²

$0\% \text{ setahun} \times 90.00\% \times \text{USD } 100,000 \times$
 $100\% \text{ pada Indeks S\&P 500 Engle 6\% VT TCA}^{\text{^^}}$

= USD 0 / tahun



Manfaat Perlindungan bagi Melindungi Kekayaan Keluarga Terhadap Ketidakpastian Hidup

Tatkala mengalami ketidakpastian, nikmati fikiran lebih tenang kerana mengetahui anda dan orang tersayang dilindungi dari segi kewangan, membantu mengekalkan kekayaan keluarga semasa sokongan paling diperlukan.

Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia, Manfaat Kematian yang berkenaan boleh dibayar seperti berikut:

Kematian bukan akibat kemalangan	Kematian akibat kemalangan
101% daripada premium tunggal, ditolak hutang (jika ada)	105% daripada premium tunggal, ditolak hutang (jika ada)

Nota:

1. Sebarang Manfaat Pendapatan Tahunan² terkumpul dengan Syarikat akan dibayar dengan faedah (jika ada).
2. Tertakluk pada terma dan syarat.



Manfaat Matang dengan Jaminan Modal bagi Ketenangan Minda

Raikan pencapaian kewangan anda dengan yakin. Apabila matang, pelan ini menyediakan pembayaran matang yang direka bagi menyokong keutamaan kekayaan anda yang berkembang.

Apabila matang, anda akan menerima:

- i. premium tunggal; dan
- ii. Manfaat Pendapatan Tahunan² (jika ada); dan ditolak sebarang hutang (jika ada).

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Peluang Global dengan Denominasi USD berserta Terbitan Tanpa Kesukaran

Pelbagaikan kekayaan anda dalam USD dan dapatkan akses pada peluang berkaitan indeks global dengan pelan yang direka bagi kesederhanaan. Dengan pengeluaran mudah, perlindungan yang layak bermula dari USD 100,000 – mulai perjalanan kekayaan anda dengan lancar, dari hari pertama.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Bagaimanakah Prestige Wealth Index boleh membantu anda?

Encik Tan, berumur 50 tahun, seorang usahawan, merancang untuk bersara separa dalam tempoh sembilan tahun dan bersara penuh apabila mencapai umur 65 tahun hari jadi berikut. Beliau mendapatkan Prestige Wealth Index sebagai pelan pengumpulan kekayaan yang menyediakan perlindungan dan potensi pulangan bagi membiayai percutian dan hobinya sambil mengekalkan simpanan persaraannya.

Premium Tunggal
USD200,000

Manfaat Pendapatan Tahunan² =

$\text{Pulangan Indeks}^3 \times \text{Kadar Penyertaan}^4 \times \text{Premium Tunggal} \times \text{Pengagihan Indeks}^5$
6.95% setahun $\times$ 90.00% $\times$ USD200,000 $\times$ 100% pada Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA
= USD12,000[^]/tahun



Pilihan Pengumpulan

Encik Tan memilih untuk mengumpulkan[†] Manfaat Pendapatan Tahunan², membolehkan ia berkembang dalam suatu jangka masa.

Apabila polisi matang (umur 59), dia akan menerima:

Jumlah Manfaat Pendapatan Tahunan terkumpul[‡]
USD 123,662[#]
TERMASUK
Premium Tunggal
USD 200,000

Jumlah ilustrasi manfaat
USD 323,662^{*}



Pilihan Pembayaran

Encik Tan memilih untuk menerima Manfaat Pendapatan Tahunan² bagi membiayai percutiannya. Dia menerima **USD12,000[^]** setahunan.

Apabila polisi matang (umur 59), dia akan menerima:

Jumlah Manfaat Pendapatan Tahunan terkumpul[‡]
USD 12,000[#] $\times$ 9 = **USD 108,000^{**}**
TERMASUK
Premium Tunggal
USD 200,000

Jumlah ilustrasi manfaat
USD 308,000^{*}**

Semua angka dalam ilustrasi di atas berdasarkan seorang lelaki berumur 50 tahun, tidak merokok, menetap di Malaysia dengan suatu Ilustrasi Kadar Pulangan Pelaburan (IIRR) sebanyak 6.00% setahun, dengan purata Kadar Penyertaan sebanyak 90% dan kadar faedah pengumpulan sebanyak 3.35% setahun serta tertakluk pada pembundaran. Manfaat sebenar yang dibayar bergantung pada prestasi sebenar indeks dan Kadar Penyertaan.

Berdasarkan IIRR sebanyak 3.00% setahun, Kadar Penyertaan minimum dijamin sebanyak 60% dan kadar faedah pengumpulan sebanyak 1.85% setahun:

[^] Manfaat Pendapatan Tahunan ialah USD 6,000.

[#] Jumlah Manfaat Pendapatan Tahunan terkumpul pada umur 59 tahun ialah USD 58,173.

^{*} Ilustrasi jumlah manfaat pada umur 59 tahun ialah USD 258,173.

^{**} Jumlah Manfaat Pendapatan Tahunan pada umur 59 tahun ialah USD 54,000.

^{***} Ilustrasi jumlah manfaat pada umur 59 tahun ialah USD 254,000.

Nota: Kedua-dua IIRR yang digunakan (6.00% setahun dan 3.00% setahun) untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak mewakili had bawah dan had atas bagi prestasi indeks. Manfaat sebenar yang dibayar bergantung pada prestasi sebenar indeks, Kadar Penyertaan dan pengagihan indeks semasa.

[†] Pada IIRR 6.00% setahun, kadar faedah semasa ialah 3.35% setahun. Pada IIRR 3.00% setahun, kadar faedah semasa ialah 1.85% setahun. Kadar ini tidak dijamin dan boleh diubah dari semasa ke semasa.

Memahami Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA^{^^}

Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA^{^^} ialah indeks berasaskan peraturan yang memanfaatkan pengkaedahan kawalan turun naik unik yang melaraskan pendedahan secara dinamik pada indeks S&P 500 masa hadapan. Indeks ini menggunakan model ramalan turun naik yang memenangi Hadiah Nobel oleh Professor Robert Engle (pemenang Hadiah Nobel Ekonomi 2003), indeks ini menggunakan teknik lanjutan bagi mengurus risiko pasaran sambil menyasarkan untuk bagi mengekalkan potensi pertumbuhan.



Bagaimana mekanisme kawalan turun naik berfungsi

Indeks ini menyasarkan tahap turun naik tertentu dengan melaraskan pendedahan pada aset sandaran (indeks S&P 500 masa hadapan), memastikan profil risiko pulangan yang lebih seimbang. Tidak seperti indeks-indeks kawalan turun naik tradisional yang bergantung pada data sejarah, ia menggunakan model pandang hadapan untuk meramalkan turun naik masa hadapan. Dengan melaraskan peruntukan urus niaga harian secara dinamik dengan tumpuan pada turun naik jangka pendek yang diperhatikan dalam satu hari dagangan atau dari akhir satu hari dagangan hingga awal hari dagangan berikutnya, indeks bertindak balas dengan pantas terhadap perubahan keadaan pasaran.

Turun Naik Rendah


Peruntukan > 100%

Apabila ramalan turun naik di bawah sasaran 6%, pendedahan pada indeks S&P 500 masa depan akan meningkat.

Turun Naik Tinggi

Peruntukan < 100%

Apabila ramalan turun naik berada di atas sasaran 6%, pendedahan pada indeks S&P 500 masa depan akan menurun.



Bagaimana indeks menyokong potensi pertumbuhan

Pendedahan dinamik pada indeks S&P 500 masa hadapan

Walaupun indeks mungkin menunjukkan penyimpangan prestasi semasa tempoh turun naik pasaran yang tinggi disebabkan pengurusan risiko terbina dalamnya, S&P 500 kekal sebagai teras, memastikan potensi pertumbuhan jangka panjang.

Ramalan turun naik yang memenangi Hadiah Nobel

Dengan memanfaatkan kepakaran Profesor Robert Engle dan Indeks S&P Dow Jones, indeks ramalan turun naik berdasarkan corak pasaran yang boleh diperhatikan, meningkatkan ketepatan pengurusan risiko.

Tindak balas terhadap perubahan pasaran


Indeks ini melaraskan pendedahan urus niaga harian secara dinamik, bertindak balas segera terhadap perubahan pasaran dengan peningkatan atau pengurangan wajaran dalam indeks S&P 500 masa hadapan.

Turun naik yang lebih stabil

Dengan mekanisme direka bagi mengekalkan turun naik agar selaras dengan sasaran 6%, indeks menyasarkan untuk menawarkan prestasi lebih lancar, walaupun dalam keadaan pasaran tidak menentu.

Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA^{^^} prestasi sejarah yang diuji semula

Prestasi hipotesis ini, berdasarkan data yang diuji semula, menunjukkan keupayaan indeks untuk memberi pulangan bersesuaian dengan risiko yang berdaya saing. Sebagai tambahan, dalam tempoh prestasi negatif, modal dilindungi dengan suatu jaminan⁶.




Sumber: Indeks S&P Dow Jones LLC. Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA dilancarkan pada 7 Mac 2025. Semua data sebelum tarikh tersebut merupakan data hipotesis yang diuji semula. Carta dan jadual disediakan untuk tujuan ilustrasi dan menggambarkan prestasi sejarah hipotesis. Sila rujuk Pendedahan Prestasi pada akhir risalah Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA untuk maklumat lanjut berkenaan had yang wujud berkaitan prestasi yang diuji semula. Sila ambil perhatian bahawa prestasi lepas tidak menggambarkan prestasi masa hadapan.

Memahami Indeks Citi Flexibeta 8% VT^{AAA}

Indeks Citi Flexibeta 8% VT^{AAA} ialah indeks pelbagai aset berasaskan peraturan yang memperuntukkan dua portfolio secara dinamik - Peruntukan Teras dan Peruntukan Rizab melalui pemerhatian arah aliran harga Peruntukan Teras terkini dan penunjuk risiko pandang hadapan. Pendedahan bagi Peruntukan Teras dan Peruntukan Rizab dilaksanakan berdasarkan masa hadapan untuk semua kelas aset.

Peruntukan Teras




Peruntukan Rizab



Peruntukan dinamik dikuasakan dua isyarat:

Isyarat Risiko



Isyarat Arah Aliran



Strategi peruntukan aset dinamik


Indeks menentukan peruntukan antara Peruntukan Teras dan Peruntukan Rizab dengan menggabungkan Isyarat Arah Aliran dan Isyarat Risiko

Isyarat Arah Aliran positif yang digabungkan dengan Isyarat Risiko rendah bermaksud peruntukan penuh pada Peruntukan Teras. Apabila pasaran lebih menghindari risiko, atau apabila arah aliran menurun, Indeks akan mengurangkan Peruntukan Teras dan berkitar dalam Peruntukan Rizab.




Isyarat Arah Aliran



Isyarat Risiko




Peruntukan





Turun naik yang menyasarkan pengurusan risiko

Indeks melaraskan pendedahan pada Peruntukan Teras dan/atau Peruntukan Rizab secara dinamik untuk menyasarkan tahap turun naik stabil sebanyak 8%.



Bagaimana indeks menyokong potensi pertumbuhan

Kepelbagaian pelbagai aset strategik

Indeks menyediakan kepelbagaian dengan peruntukan merentasi pelbagai kelas aset dan melaraskan kedudukan secara dinamik sebagai tindak balas pada keadaan peningkatan risiko atau pengurangan risiko, membantu pertumbuhan seimbang dengan perlindungan penurunan pasaran.

Arah aliran kuantitatif dan isyarat risiko


Isyarat yang diperolehi daripada pasaran luas bagi mengenal pasti persekitaran peningkatan risiko atau pengurangan risiko, panduan keputusan peruntukan dan membolehkan indeks disesuaikan dengan keadaan pasaran yang berubah dengan secara sistematik dan berdisiplin.

Pengurusan risiko proaktif

Pengimbangan semula yang kerap membantu mengekalkan turun naik jangka panjang yang disasarkan sebanyak 8%, menyokong prestasi lebih stabil dari semasa ke semasa sambil menguruskan pendedahan dalam tempoh ketidakpastian pasaran.

Indeks Citi Flexibeta 8% VT^{AAA} prestasi sejarah yang diuji semula

Prestasi hipotesis ini, berdasarkan data yang diuji semula, menunjukkan keupayaan indeks untuk memberi pulangan bersesuaian dengan risiko yang berdaya saing. Sebagai tambahan, dalam tempoh prestasi negatif, modal dilindungi dengan suatu jaminan⁶.



Sumber: Citi, Bloomberg. Indeks Citi Flexibeta 8% VT dilancarkan pada 12 Mac 2026. Semua data sebelum tarikh tersebut merupakan data hipotesis yang diuji semula. Carta dan jadual disediakan untuk tujuan ilustrasi dan menggambarkan prestasi sejarah hipotesis. Sila rujuk penafian pada akhir lembaran fakta Indeks Citi Flexibeta 8% VT untuk maklumat lanjut berkenaan had yang wujud berkaitan prestasi yang diuji semula. Sila ambil perhatian bahawa prestasi lepas tidak menggambarkan prestasi masa hadapan.

Notis penting

- ^{^^} Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA ialah indeks berasaskan peraturan yang memanfaatkan pengkaedahan kawalan turun naik unik yang melaraskan pendedahan secara dinamik pada indeks S&P 500 masa hadapan. Dengan melaraskan pendedahan secara dinamik pada indeks S&P 500 masa hadapan, pulangan boleh berbeza dengan ketara daripada indeks S&P 500 itu sendiri. Sila ambil perhatian bahawa prestasi lepas mungkin tidak menggambarkan prestasi masa hadapan.
- ^{^^^} Indeks Citi Flexibeta 8% VT ialah indeks pelbagai aset berasaskan peraturan yang memperuntukkan dua portfolio secara dinamik: (1) Peruntukan Teras: portfolio dengan orientasi pertumbuhan terdiri daripada ekuiti, bon kerajaan dan emas dan/atau (2) Peruntukan Rizab: portfolio defensif terdiri daripada bon kerajaan. Sila ambil perhatian bahawa prestasi lepas tidak menggambarkan prestasi masa hadapan.
- ¹ Sila ambil perhatian bahawa mata wang pelan ini dalam dolar Amerika Syarikat (AS). Jika Dolar AS bukan mata wang asal anda, anda akan terdedah pada risiko turun naik kadar tukaran asing.
- ² “Manfaat Pendapatan Tahunan” tidak dijamin dan tertakluk pada prestasi indeks atau indeks-indeks yang dipilih, Kadar Penyertaan segmen yang berkenaan dan pengagihan indeks semasa. Sila ambil perhatian bahawa prestasi lepas tidak menggambarkan prestasi masa hadapan. Derivatif akan digunakan bagi menyediakan Manfaat Pendapatan Tahunan. Segmen pertama akan bermula pada bulan kalendar berikutnya dari tarikh keluaran polisi. Bergantung pada pengagihan indeks yang dipilih, 9 segmen bagi setiap indeks boleh diwujudkan sehingga akhir tempoh polisi. Segmen sentiasa bermula pada hari ke-16 setiap bulan (iaitu tarikh permulaan segmen) dan ia akan matang selepas 12 bulan, pada hari ke-15 bulan yang sama pada tahun berikutnya (iaitu tarikh matang segmen).
- ³ “Pulangan Indeks” ialah peratusan perubahan nilai indeks yang berkenaan dari permulaan hingga akhir segmen. Pulangan Indeks bagi segmen yang berkenaan tidak terhad dan kadar pulangan minimum dijamin pada 0% setahun bagi melindungi polisi anda terhadap kemerosotan pasaran. Jika kadar pulangan ditentukan pada tahap minimum, tiada Manfaat Pendapatan Tahunan akan dibayar.
- ⁴ “Kadar Penyertaan” ialah kadar yang digunakan untuk mengira Manfaat Pendapatan Tahunan. Kadar ini tidak dijamin dan mungkin berbeza bagi setiap segmen, tetapi ia tidak akan kurang daripada Kadar Penyertaan minimum dijamin sebanyak 60%.
- ⁵ “Pengagihan Indeks” merujuk pada peruntukan semasa bagi peratusan premium tunggal yang diperuntukkan pada Indeks yang dipilih (atau Indeks-indeks, jika berkenaan).
- ⁶ Modal dijamin apabila matang dengan syarat tiada pindaan polisi seperti serahan sebahagian dibuat semasa tempoh polisi.

Soalan lazim

S: Apakah Prestige Wealth Index?

J: Prestige Wealth Index ialah pelan insurans endowment tanpa penyertaan dalam keuntungan dengan premium tunggal dalam nilai dolar AS yang menyediakan pulangan berkaitan indeks berdasarkan prestasi indeks sandaran, menyediakan cara yang dinamik, bertindak balas dan pengurusan risiko bagi memanfaatkan peluang pasaran. Apabila pulangan indeks positif, anda boleh memilih untuk menerima pembayaran secara tahunan atau membiarkannya terkumpul bagi mempertingkatkan pertumbuhan. Pada masa yang sama, ia menjamin 100% modal anda apabila matang.

S: Apakah perlindungan di bawah Prestige Wealth Index?

J: Prestige Wealth Index menyediakan perlindungan kewangan terhadap kematian dan kematian akibat kemalangan. Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia semasa tempoh polisi, kami akan membayar 101% daripada premium tunggal. Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia akibat kemalangan semasa tempoh polisi, kami akan membayar 105% daripada premium tunggal. Kami akan menolak sebarang hutang di bawah polisi sebelum membayar baki jumlah dan polisi akan tamat selepas kami membuat pembayaran ini. Terdapat keadaan tertentu apabila manfaat tidak akan dibayar di bawah polisi ini. Sila rujuk ringkasan produk dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

S: Apakah yang akan saya terima apabila polisi matang?

J: Jika hayat yang diasuranskan masih hidup apabila polisi matang, kami akan membayar premium tunggal dengan Manfaat Pendapatan Tahunan terakhir (jika ada) dalam tempoh empat belas (14) hari perniagaan dari tarikh matang segmen terakhir. Sebarang hutang di bawah polisi akan ditolak sebelum baki dibayar dalam satu jumlah sekali gus.

S: Siapakah yang layak membeli Prestige Wealth Index?

J: Prestige Wealth Index tersedia bagi hayat yang diasuranskan dengan umur kemasukan antara 1 hingga 75 tahun. Umur kemasukan minimum bagi pemilik polisi ialah 19 tahun.

S: Berapakah yuran dan caj semasa?

J: Satu-satunya kos yang perlu diberi perhatian ialah nilai serahan yang berkenaan sekiranya anda memilih untuk menyerahkan polisi lebih awal, iaitu amaun yang dibayar adalah berdasarkan nilai serahan semasa pada masa itu. Namun, kami tidak akan menanggung sebarang kos yang berkaitan dengan pemindahan telegraf, termasuk sebarang yuran atau caj bank yang mungkin timbul bagi sebarang pembayaran di bawah polisi ini.

S: Apakah akan berlaku jika anda menyerahkan polisi lebih awal?

J: Jika anda menyerahkan polisi selepas tempoh pemerhati bebas selama 14 hari, anda mungkin kehilangan sebahagian atau semua premium yang telah dibayar. Ini kerana nilai serahan, jika ada, yang dibayar kepada anda mungkin sifar atau kurang daripada jumlah premium yang dibayar.

S: Apakah akan berlaku jika prestasi indeks buruk?

J: Kadar pulangan minimum dijamin sebanyak 0% setahun melindungi polisi anda terhadap kemerosotan pasaran. Jika kadar pulangan ditentukan pada tahap minimum, tiada Manfaat Pendapatan Tahunan akan dibayar. Modal anda dijamin apabila polisi matang dengan syarat tiada pindaan polisi seperti serahan sebahagian dibuat semasa tempoh polisi.

S: Apakah pengecualian utama bagi Prestige Wealth Index?

- J: (a) Manfaat kematian
Kami tidak akan membayar manfaat jika kematian berlaku akibat:
- (i) bunuh diri yang dilakukan ketika waras atau tidak waras; atau
 - (ii) sebarang keadaan sedia ada dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh keluaran polisi atau tarikh penguatkuasaan semula (jika berkenaan) dan polisi akan dianggap batal. Kami akan membayar balik baki premium yang telah dibayar tanpa faedah, selepas menolak sebarang tunggakan hutang serta sebarang manfaat yang dibayar di bawah polisi dan polisi akan ditamatkan.
- (b) Manfaat kematian akibat kemalangan
Kami tidak akan membayar sebarang manfaat bagi:
- (i) Tindakan sedar atau sengaja yang membahayakan diri sendiri;
 - (ii) Keadaan berkaitan kesihatan atau keadaan sedia ada;
 - (iii) Kejadian berkaitan peperangan;
 - (iv) Aktiviti berisiko tinggi;
 - (v) Aktiviti melibatkan senjata api dan bahan letupan;
 - (vi) Berada di dalam atau di atas sebarang jenis pesawat, atau menaiki atau menuruni sebarang pesawat, kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau sebagai anak kapal pada laluan berjadual tetap yang dikendalikan syarikat penerbangan diiktiraf;
 - (vii) Semua jenis perlumbaan (kecuali berjalan kaki atau berbasikal yang disertai dengan organisasi berlesen) atau aktiviti sukan yang dilakukan secara profesional atau menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut;
 - (viii) Kemalangan yang berlaku semasa hayat yang diasuranskan bekerja atau di tempat kerja berikut disebabkan mengikut jenis pekerjaan hayat yang diasuranskan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.

Penafian

- **Prestige Wealth Index** ialah pelan insurans hayat yang ditaja jamin oleh Great Eastern Labuan Company Limited (LL21624).
- Semua umur yang dinyatakan merujuk pada umur hari jadi berikutnya.
- Semua angka digunakan untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tertakluk pada pembundaran.
- Perkara di atas untuk maklumat am sahaja. Ia bukanlah satu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada wakil jualan bagi Ilustrasi Manfaat, Ringkasan Produk dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan.
- Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar.
- Pembelian polisi insurans hayat merupakan satu komitmen jangka panjang. Penamatan awal polisi melibatkan kos yang tinggi dan nilai serahan, jika ada, yang dibayar kepada anda mungkin sifar atau kurang daripada jumlah premium yang dibayar.
- Semua pertanyaan berkaitan tuntutan dan liabiliti yang timbul daripada polisi hendaklah dibuat kepada Syarikat.
- Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Penafian Indeks

Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA

"Indeks S&P 500 Engle 6% VT TCA" adalah produk milik S&P Dow Jones Indices LLC atau sekutunya ("SPDJ"), menggabungkan pengkaedahan yang dilesenkan daripada UBS AG ("UBS"), dan telah dilesenkan semula untuk kegunaan Great Eastern Labuan Company Limited ("Syarikat"). S&P®, S&P 500®, US 500™, dan 500™ adalah tanda dagangan milik S&P Global, Inc. atau sekutunya ("S&P"); Dow Jones® adalah tanda dagangan berdaftar milik Dow Jones Trademark Holdings LLC ("Dow Jones"); Engle™ adalah tanda dagangan milik Engle Volatility Consulting LLC ("Engle Consulting"), dengan penyelidik utama Robert F. Engle ("Engle"), dan tanda dagangan ini telah dilesenkan untuk kegunaan SPDJI dan dilesenkan semula bagi tujuan tertentu Syarikat. Untuk maklumat lanjut bagi indeks, sila rujuk pada:

<https://www.spglobal.com/spdji/en/indices/multi-asset/sp-500-engle-6-vt-tca-index/#overview>

Indeks Citi Flexibeta 8% VT

Indeks Citi Flexibeta 8% VT ("Indeks") ditadbir dan diterbitkan Citigroup Global Markets Limited (bersama syarikat sekutunya, "Citigroup"). Citi ialah tanda dagangan dan tanda perkhidmatan berdaftar milik Citigroup Inc. atau sekutunya dan digunakan serta didaftarkan di seluruh dunia. Prestige Wealth Index (USD) ("Produk Kewangan") tidak direka, ditaja, disokong, dijual, ditaja jamin, diedarkan, dipromosikan, dikeluarkan atau ditadbir oleh Citigroup, dan Citigroup tidak membuat sebarang perwakilan berkenaan kewajaran melabur dalam Produk Kewangan tersebut. Citigroup tidak membuat pernyataan atau memberi waranti, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang waranti berkaitan kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu atau kegunaan. Citigroup tidak bertanggungjawab bagi sebarang ganti rugi langsung, tidak langsung, khas, atau berturutan dalam sebarang penggunaan data dan maklumat Citigroup. Untuk maklumat lanjut berkenaan indeks, sila rujuk pada:

<https://www.citivelocity.com/investmentstrategies/indices/ciisfb8v>

Great Eastern Labuan Company Limited (LL21624) ialah Penanggung Insurans Hayat Labuan dan Penanggung Insurans Semula Labuan (IS2025242) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

Great Eastern Labuan Company Limited (LL21624)

Office Unit 4(A), Main Office Tower, Financial Park Complex Labuan, Jalan Merdeka,
87000, Wilayah Persekutuan Labuan

☎ **03-4813 3048**

✉ **wecare-labuan@greateasternlife.com**

🖱 **www.greateasternlife.com/labuan**